

Percaya kepada sistem perundangan negara - PM

UM - 29/7/2020 ml: 6

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa semua pihak agar terus meletakkan kepercayaan kepada sistem perundangan serta kehakiman negara sebagai institusi yang bebas dan berkecuali.

Berikut kenyataan penuh Perdana Menteri:

Kerajaan mengambil maklum keputusan Mahkamah Tinggi hari ini yang mensabitkan Datuk Seri Najib Tun Razak bersalah atas kesemua tujuh pertuduhan melibatkan RM42 juta dana SRC International Sdn. Bhd.

Kerajaan menghormati keputusan mahkamah dan menggesa semua pihak agar terus meletakkan kepercayaan kepada sistem perundangan serta kehakiman negara sebagai institusi yang bebas dan berkecuali.

Saya memahami perasaan dan sentimen rakan-rakan terhadap keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah.

Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional akan sentiasa menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang.

Kerajaan menghormati hak Datuk Seri Najib untuk merayu



Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional akan sentiasa menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang."

MUHYIDDIN YASSIN

atas hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

Sama-samalah kita beri ru-

ang kepada proses undang-undang untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan.